

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
(PULAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2015**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan yang ditangguhkan pelaksanaannya pada 1 Januari 2015 dan bilakah tarikh baru pelaksanaan sistem berkenaan.

**JAWAPAN**

Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan telah ditangguhkan bagi membolehkan satu tempoh percubaan pelaksanaan sepanjang tahun 2015.

Tempoh percubaan ini adalah untuk memastikan persediaan pelaksanaan

perakaunan akruan yang melibatkan semua Kementerian dan Jabatan diuruskan dengan teratur, mantap dan resilien. Antara persediaan pelaksanaan perakaunan akruan dalam tempoh percubaan ini adalah kesiapsiagaan sistem perakaunan Kerajaan 1 *Government Financial Management System* (1GFMAS), latihan 1GFMAS yang lebih komprehensif kepada semua PTJ, pengumpulan data aset dan liabiliti yang lebih lengkap dan penyediaan format Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih seimbang dan progresif.

Rang Undang-Undang akan dibentangkan semula di Parlimen apabila telah dipastikan semua aspek tadbir urus, keperluan dan ketersediaan perakaunan akruan adalah mantap dan kukuh untuk dilancarkan.